

Mahu lihat langit yang lebih biru

D etik itu berlaku sebaik saya bergelar ibu tunggal. Saya ingat dan genggam kata-kata bekas suami yang 'saya tidak boleh berniaga'. Dari situ saya bertekad akan buktikan kepada diri saya sendiri bahawa saya boleh menjadi usahawan berjaya. Saya boleh melangkah jauh dalam bidang yang saya minati.

Kerana itu saya tinggalkan kerja sebagai eksekutif di sebuah syarikat telekomunikasi bertaraf antarabangsa. Maxis Telecommunication merupakan syarikat pertama saya bertapak. Saya akui, syarikat itu mengajar saya banyak perkara. Saya ditempatkan di bahagian sumber manusia dan perlu mengendalikan pelbagai urusan untuk pekerja syarikat yang datang dari luar negara. Tapi rezeki saya tidak lama di situ. Saya rasakan saya boleh mendapat gaji yang lebih banyak jika bekerja di tempat lain.

Berbekalkan kelulusan sebagai Sarjana Muda dalam jurusan Sains Komputer dari Universiti Putra Malaysia (UPM), saya berhijrah ke syarikat pengeluar dan pembekal komputer yang lebih gah dan dikenali di sekitar dunia. DELL menjadi destinasi saya seterusnya. Gaji lebih lumayan.

Di sini kehidupan lebih mencabar.



Produk kecantikan Alaska.



Berdengan dengan ketua yang mementingkan kualiti kerja yang terbaik, lambakan tugas yang tidak pernah surut membuatkan saya tidak betah bekerja lama di situ.

Sepanjang bekerja makan gaji, seawal jam 8 pagi lagi saya sudah berada di pejabat memulakan tugas dan hanya akan pulang lewat malam. Pendek kata, komitmen kerja yang saya berikan 300 peratus, namun gaji yang diperoleh tetap 100 peratus juga.

Dari situ, saya berjirin-jinak dalam



Dihadapan bangunan pejabat yang menjadi kebanggaannya

semangat saya, malah kata-kata bellaialah yang menjadikan apa saya hari ini.

Saya nekad mengubah rutin harian saya untuk masa depan saya dan anak perempuan saya. Ketika itu keputusan untuk menurunkan haluan dari bekerja dengan syarikat besar kepada berniaga sendiri secara kecil-kecilan di ditengah semua keluarga terdekat termasuk emak dan ayah. Namun saya hanya maklumkan kepada mereka selepas hampir 6 bulan saya berhenti kerja.

Keringat dan air mata

Sebagai anak kelahiran Kota Bharu, Kelantan, minat berniaga sudah ada sejak dulu lagi dan saya memang menyimpan impian untuk membuka perniagaan sendiri, tetapi masih 'takut-takut'. Saya fikir inilah mungkin sesuai untuk mengubah angin.

Dari DELL saya mula menjual apa sahaja barang yang boleh dijual dan menjadi kegiatan pengguna waktu itu. Dari tuai wanita hingga paket percutian dan pelancongan, semuanya ada. Saya sudah tidak bergelar 'kul' lagi.


Akhirnya, berbekalkan pengalaman yang dikutip hampir 10 tahun menjadi pengedar produk kesihatan dan kecantikan, selain mempunyai pengetahuan produk dan kemahiran pengguna, maka lahirlah 'buah hati' saya, Alaska Marketing Sdn Bhd (Alaska)

bidang perniagaan dengan menjadi pengedar produk kesihatan dan kecantikan secara sambilan. Saya buat apabila ada waktu luang di hujung minggu. Saya tidak menyentuh waktu bekerja memandangkan saya seorang yang komited dengan kerja.

ALLAH SWT maha mengetahui dan tahu apa yang terbaik untuk umatnya. Ketika saya mula berjirin-jinak dalam perniagaan, rumahtangga saya menemui kegagalan. Berpisah dengan suami tidak mematahkan

PROFIL

Nurul Wan Sharifah Wati binti Sharifah Ahmad, 30, dilahirkan di Jalan Sanapadu, Lorong Sanapadu, Kompleks Perindustrian Puncak Permai, Seksyen 10, Petaling Jaya. Beliau merupakan ahli rumah bersama suami dan dua orang anak. Beliau dilahirkan di Selangor dan dibesarkan di Kuala Lumpur. Beliau mendapat pendidikan sekolah di Sekolah Menengah Rendah Sultan Abdul Halim dan mendapat gelar sarjana muda dalam jurusan Sains Komputer di Universiti Putra Malaysia (UPM).



pada April 2012.

Pertama kali punya syarikat sendiri, saya tidak berani mengambil risiko menyewa pejabat besar, saya fikir cukuplah sekadar sebuah bilik kecil, ada kemudahan asas.

Memlakukan langkah sebagai ahli perniagaan ibarat memasuki hutan tebal yang penuh duri. Perlu sentiasa berusaha dan berfikir untuk keluar dari setiap masalah.

Dugaannya, maha hebat. Subhanallah, saya tidak terfikir dugaan seperti itu.

Air mata dan keringat menjadi mainan. Segala masalah di bahu sendiri. Alhamdulillah, produk keluaran Alaska iaitu ALASKA GOLD mendapat sambutan hangat hasil fenomena laman sosial Facebook dan sehingga kini, terdapat 18 jenis produk, spa dan pusat latihan untuk rakan niaga kami.

Bagi yang masih ragu-ragu nak bertukar angin, jangan takut untuk berubah. Berpeluang pada diri sendiri untuk melihat langit yang lebih biru, rumput yang lebih hijau.



1 Menjalankan perniagaan berkaitan perkara yang diminati.

2 Berazam menjalankan perniagaan dengan bersungguh-sungguh dan tidak melalui jalur tengah.

3 Berniat untuk berkontribusi manfaat produk dengan orang ramai.

4 Jangan keringat tentang semata-mata.

5 Sentiasa ikhlak dalam berniaga dan bertawakal kepada ALLAH.

6 Sentiasa berusaha mempertingkatkan diri dan menambahbaik perniagaan.

7 Jangan mudah berputus asa sekiranya gagal.